



**SIARAN MEDIA
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

PROGRAM MEKAR JPN BANTU WARGA EMAS MILIKI MYKAD BAHARU

KUALA LUMPUR, 5 MAC - Penantian seorang warga emas berusia 65 tahun untuk memiliki MyKad baharu berakhir apabila Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, YBhg Dato' Ruslin bin Jusoh turun padang menyerahkan sendiri dokumen pengenalan diri itu kepadanya pada hari ini.

Penerima, Leong Choong Keong yang dilahirkan pada tahun 1956 pernah memiliki Kad Pengenalan kali pertama pada tahun 1968 ketika berusia 12 tahun dan masih memegang Kad Pengenalan Plastik (KPP) (gantian semasa berusia 18 tahun) sehingga sekarang. Keadaan tersebut menyebabkan beliau tidak dapat memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat serta kemudahan-kemudahan lain yang disediakan Kerajaan. Ekoran kisah kesulitan Leong Choong Keong yang tular di media sosial, JPN Putrajaya melalui Unit Mobile telah mengambil tindakan segera untuk membantu dengan membuat semakan rekod beliau dan seterusnya membuat gantian MyKad tanpa perlu beliau hadir ke kaunter JPN.

Program MEKAR JPN merupakan satu program turun padang dimana urusan pengeluaran dokumen pengenalan diri seperti MyKad, dan sijil kelahiran kepada golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas, pesakit terlantar dan mereka yang tinggal di pedalaman. Ianya merupakan pendekatan produktif JPN dalam memastikan setiap penduduk di Malaysia yang layak, dikeluarkan dokumen pengenalan diri yang sah dan sekaligus membolehkan mereka menikmati pelbagai kemudahan yang ditawarkan Kerajaan.

Program ini dilihat telah membawa impak positif di mana sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 680 program telah dijalankan dengan lebih 12,206 permohonan diterima serta 1,293 khidmat nasihat telah diberikan melalui Program MEKAR ini.

JPN akan terus komited dalam menjalankan aktiviti turun padang bagi memberi perkhidmatan kepada masyarakat dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan Kerajaan ketika ini untuk mengekang penularan wabak Covid-19. Maklumat lanjut berkenaan Program MEKAR ataupun untuk mendapatkan janji temu bagi perkhidmatan ini, orang ramai boleh menghubungi talian telefon 03-8880 8014/7077 atau emelkan ke mekar@jpn.gov.my.

Tamat/.